

TIBA MASANYA UNTUK ANDA ke IPT

*Siri Artikel ini ditulis sebagai motivasi bagi anak bangsa kita melangkah ke hadapan
untuk lifelong learning, sesuatu yang amat di tuntutan dalam agama....*

DR. OMAR BIN YAAKOB

omar_yaakob@yahoo.com

<http://omar600.webs.com/>

1. BANYAK JALAN UNTUK KE IPT

Keputusan SPM dan STPM telah diumumkan. Tahniah kepada calon-calon yang berjaya. Anda perlu mula mengorak langkah ke arah IPT.

Kalau keputusan tak berapa baik pun, anda tidak perlu terlalu kecewa dan putus asa... *it is not the end of the world*. Masih banyak pilihan. Bagi yang kurang berjaya, anda masih mempunyai banyak peluang.

Ramai pelajar terlalu berharap kepada tempat matrikulasi sedangkan kini peluang terbuka luas untuk semua melanjutkan pelajaran melalui pelbagai laluan lain.

Dalam siri artikel ini, saya akan cuba mengutarakan beberapa panduan menerangkan laluan dan jalan yang boleh diambil oleh semua untuk melanjutkan pelajaran.

Panduan yang akan diutarakan di dalam siri ini adalah untuk semua, tidak kira anda baru tamat SPM atau STPM atau anda telah lama meninggalkan bangku sekolah.

Peluang untuk ke IPT kini terbuka untuk semua orang, sehinggakan yang mempunyai PMR pun boleh ke IPT.

Jika anda baru tamat SPM, anda mempunyai banyak laluan ke IPT. Apa juga keputusan anda, di sana ada tempat bagi anda. Bergantung kepada keputusan anda, anda boleh mengambil salah satu daripada laluan-laluan ini untuk memperoleh Ijazah Sarjana Muda di salah sebuah daripada 20 buah IPTA di seluruh negara:

SPM -> Matrikulasi/Asasi -> IPTA

SPM->STPM->IPTA

SPM-> Diploma IPTA/Politeknik->IPTA

SPM->Sijil Politeknik -> Diploma-> IPTA

Jika anda tidak memperolehi laluan ke IPTA, kini terdapat lebih 500 buah IPTS yang menawarkan pelbagai kursus di pelbagai peringkat, daripada sijil sehingga ke Ijazah Ph.D.

Jika anda tidak mempunyai minat dalam bidang akademik, anda boleh melanjutkan pelajaran di bidang kemahiran dan vokasional. Terdapat beratus jenis kursus politeknik, kolej komuniti, institut kemahiran dan pusat latihan anjuran kerajaan dan swasta. Bidang ini juga ada laluan ke Diploma melalui Skim Kemahiran Malaysia dan seterusnya ke peringkat yang setaraf Diploma Lanjutan yang dianggap setaraf Ijazah Am. Penerangan lanjut mengenai peluang-peluang di bidang kemahiran ini akan diterangkan dalam bahagian 4 siri artikel ini.

Politeknik sanggup menerima anda. IPTS juga bersedia. Banyak kolej yang membuat 'twinning' dengan IPTA dan IPT luar negeri yang boleh dipilih.

Kalau tak layak ke Ijazah, boleh pilih Diploma. Kalau tak layak ke Diploma pilih Sijil. Setelah tamat kursus peringkat Sijil nanti, anda boleh pula menaik taraf ke Diploma dan Ijazah.

2. PENDIDIKAN TINGGI ADALAH PELABURAN TERBAIK DUNIA DAN AKHIRAT

Menurut pakar pengurusan kewangan Azizi Ali, pelaburan paling baik dibuat ialah dalam bidang pendidikan.

Tidak kira untuk anak-anak atau orang-orang dewasa, pendidikanlah tempat terbaik kita menabur pelaburan.

Bayangkan, pendapatan bagi seorang menggunakan sijil SPM ialah sekitar RM600. Jika beliau melabur sedikit masa dan kewangan bagi meningkatkan dirinya ke peringkat Diploma, gajinya sudah naik hampir 100%. Jika dia terus ke Ijazah Sarjana Muda, pendapatannya sebulan boleh naik lebih tiga atau empat kali ganda! Jika dia menggunakan pinjaman bank bagi membiayai pengajiannya, dengan mudah dia boleh melangsaikan hutang bank tersebut menggunakan lebih pendapatan tersebut.

Jika kita tidak fakir tentang 'makan gaji' atau hendak bekerja sendiri pun, kita digalakkan belajar di peringkat yang lebih tinggi. Kita perlu memenuhi tugas kita sebagai insan yang sentiasa mencari ilmu; dari buaian ke liang lahad. Kita digalakkan menjadi orang yang sentiasa dahagakan ilmu.

Di samping mendapatkan kelayakan untuk memasuki alam pekerjaan, kita berharap usaha kita belajar akan direndhai Allah, menjadi amal salih, menjadi jambatan mendapatkan rezeki yang akan dilaburkan kembali di jalan Allah dan seterusnya meningkatkan kekuatan ummah.

Oleh itu jangan malas nak belajar, kuatkan tekad dan kesabaran menghadapi pelbagai cabaran dan kesukaran belajar.

Apapun, sebenarnya peluang ke IPT kini terbuka luas.. bukan sahaja untuk lepasan baru SPM tetapi bagi yang telah lama meninggalkan bangku sekolah. Pokoknya ada kehendak, ada daya, ada usaha, inshaAllah ada jalan.

Kalau dulu, pelajaran tinggi hanya bagi orang bandar tapi kini orang kampung pun boleh belajar tinggi.

Kalau dulu nak dapatkan ijazah atau Diploma mesti cemerlang dalam SPM.. tetapi sekarang tak perlu lagi. Orang yang tak ada SPM, (cuma PMR) pun boleh masuk IPT...!!

Sekarang anda tiada sebab untuk tidak berusaha meningkatkan taraf pendidikan anda. Anda boleh belajar dengan memasuki 20 buah IPTA atau beratus buah IPTS, kolej kemahiran, kolej komuniti dan politeknik.

Jika anda tidak mahu atau tidak mampu belajar sepenuh masa, anda masih boleh belajar separuh masa. Jika anda tidak mahu ke kuliah, anda boleh belajar secara jarak jauh.

Pokoknya, anda hanya perlu bertanya diri anda, mahu atau tidak? Hendak seribu daya, tak hendak seribu daleh. Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.. inshaAllah. Jika tidak dipecahkan ruyong, manakan dapat sagunya?

3. STAM - JALAN MUDAH DAN PANTAS KE IPT BAGI BIDANG AGAMA

Saya ingin menyebut satu laluan yang sering diabaikan oleh pelajar-pelajar kita walaupun ia sangat berpotensi.

Laluan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) sesuai bagi pelajar-pelajar yang berminat di bidang pengajian Islam. STAM boleh diambil oleh semua pelajar yang lulus SPM, dengan mengikuti kurikulum Maahad Al-Bu'uth Al-Islamiah Al-Azhar yang diajar di sekolah menengah menengah kerajaan, sekolah agama rakyat atau kolej-kolej swasta.

Berikut petikan dari blog Ustaz Abdul Halim Abdullah mengenai laluan ini:

<http://inijalanku.wordpress.com/about/diary-1989-1997/cara-ke-mesir-utk-belajar/>

“Ramai yang bertanya saya tentang pengalaman saya belajar Pengajian Islam di Mesir, terutama setelah saya tamat pengajian di bidang kejuruteraan. Tidak kurang mereka yang tertarik untuk mengikut jejak langkah saya belajar di sana. Di sini saya berikan panduan kepada sesiapa yang berminat untuk menyambung atau memulakan pengajian Islam di Universiti Al-Azhar, Mesir.

1. *Sebaik tempat belajar pengajian Islam ialah di Universiti Al-Azhar dan dimana-mana sahaja cawangannya samada di Kaherah, Iskandariah, Damanhur, Mansurah, Dimyat, Shibin Kom dll. Adapun belajar di pusat-pusat bahasa, Dirasat Khassah dan lain-lain adalah untuk menguatkan Bahasa Arab seseorang tetapi akhirnya hendaklah beliau berusaha untuk masuk Universiti Al-Azhar juga.*
2. *Seseorang tidak boleh masuk Universiti Al-Azhar melainkan setelah memiliki salah satu dari 2 sijil iaitu (i) Sijil STAM (masuk ke Tahun 1 Al-Azhar), atau (ii) Diploma Yang Diiktiraf Al-Azhar masuk ke Tahun 3 Al-Azhar).*
3. *Hampir di setiap negeri di Malaysia ada sekolah menengah agama yang menawarkan peperiksaan STAM bagi yang berminat. Sila hubungi pejabat agama di negeri masing-masing. Saya mencadangkan anda mendaftar di Sekolah Menengah Islam Hidayah, Ipoh. Sila hubungi Ustaz Shahruzzaman 019 - 571 5334. Asrama disediakan.*
4. *Hanya ada beberapa kolej di Malaysia yang menawarkan peperiksaan Diploma Yang Diiktiraf Al-Azhar. Diantaranya Kolej Insaniah (Alor Setar), MADEWA (Bagan Serai), UNITI (Port Dickson), KUDQI (Kuala Terengganu) dll.*
5. *Universiti Al-Azhar tidak menerima kemasukan ke Post Graduate (Masters dan Ph.D) tuan puan dengan menggunakan ijazah Sarjana Muda dari sebarang universiti apatah lagi bidang selain bidang Pengajian Islam berbahasa Arab.*
6. *Sebaik anda memiliki sijil STAM atau Diploma Yang Diiktiraf Al-Azhar, sila hubungi Ustaz Fauzi 012 - 634 9066 untuk urusan keberangkatan ke Mesir pada bulan Julai setiap tahun.”*

<http://inijalanku.wordpress.com/about/diary-1989-1997/cara-ke-mesir-utk-belajar/>

Bagi saya laluan ini sangat menarik kerana pengajian di kolej swasta dibuat secara intensif membolehkan seseorang pelajar mengambil peperiksaan STAM dalam bulan Oktober tahun keputusan SPM diumumkan.

Contohnya, melalui laluan intensif pelajar SPM 2007 boleh menduduki STAM pada bulan Oktober 2008. Ini bermakna, ketika rakan-rakannya baru empat bulan mengikuti kuliah di

pusat matrikulasi pusat asasi atau program Diploma, pelajar STAM sudah menduduki peperiksaan.

Lulusan STAM juga mempunyai peluang yang luas. Di samping ke Universiti Azhar (tempat 'almost guaranteed' jika keputusan baik), sijil STAM juga diterima masuk ke Fakulti pengajian Islam di Universiti tempatan seperti UIA, UKM, UM, KUIS, KUIM dan seumpamanya.

4. LALUAN KEMAHIRAN UNTUK YANG TIDAK MEMINATI BIDANG AKADEMIK

Tidak semua orang berminat untuk belajar mentelaah buku dan menghafal formula yang panjang berjela.

Untuk kita dan anak-anak kita yang tidak minat dengan bidang akademik tetapi sukakan bidang kemahiran dan ketrampilan, peluang ke IPT juga terbuka, walaupun jalannya panjang sedikit.

Bagi yang mempunyai sijil SPM/SPVM, mereka boleh memohon untuk mengikuti program sijil di Politeknik atau Institut Kemahiran Mara. Di Kedah ada dua IKM (Alor Star dan Sungei Petani) dan sebuah Politeknik di Alor Star. Bila dah tamat pengajian sijil dari Politeknik dan IKM, boleh bekerja atau boleh pula memohon untuk melanjutkan ke program Ijazah atau Diploma di Universiti.

Bagi yang tidak mempunyai SPM tetapi mempunyai kemahiran, mereka boleh mengikuti program Sijil Kemahiran Malaysia Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan MLVK.

Mulai tahun 1993, Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) di bawah Kementerian Sumber Manusia telah memperkenalkan sistem Persijilan Kemahiran Malaysia yang baru. Sistem Kebangsaan ini berstrukturkan lima tahap seperti di bawah :

- Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1
- Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2
- Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3
- Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 4 (Diploma Kemahiran Malaysia)
- Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 5 (Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia)

Struktur baru ini menggantikan Sijil Kecekapan Ketukangan Peringkat Asas, Pertengahan dan Tinggi, disamping mewujudkan kelayakan kemahiran pada tahap-tahap yang lebih tinggi (Tahap 4 dan 5).

Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia ini dibangunkan bertujuan mengembangkan pengiktirafan kemahiran di negara ini, seperti yang diperakukan di dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Latihan (JKML) 1991. Ia menyediakan suatu laluan kerjaya dan pembangunan diri yang menarik, serta setanding dengan laluan kerjaya yang berasaskan kelayakan akademik. Pada asasnya, sistem ini akan membekalkan lebih ramai pekerja mahir yang terlatih dan berkelayakan untuk mempertingkatkan daya saing industri tempatan di pasaran dunia.

Dengan itu, seseorang pekerja mahir boleh maju selangkah demi selangkah dalam skim SKM sehingga apabila mencapai SKM 4, ianya diiktiraf sebagai bertaraf Diploma, manakala Diploma Lanjutan dianggap serupa dengan Ijazah Sarjana Muda Am.

Kini terdapat beratus buah pusat latihan yang diiktiraf oleh MLVK, lihat:
<http://www.trainingmalaysia.com/mlvk/centreprofile.shtml?>

Sesuatu yang menarik mengenai skim SKM ini ialah sistem pentauliahan atau pemindahan kredit berdasarkan kerja-kerja yang telah dibuat sebelum ini. Ini bermakna, sekiranya seseorang pekerja telah mahir dalam sesuatu bidang, beliau hanya perlu memohon untuk ditauliahkan berdasarkan penyediaan dan penilaian portfolio hasil kerja beliau setakat ini

sebagai 'bukti' kemahiran. Buku panduan Sistem Pentauliahan Pencapaian Terdahulu (PPT) boleh didapati di Laman Web MLVK. Jika anda tidak dapat memuat turun dari sana, sila hubungi saya dan saya akan hantarkan satu salinan softcopy kepada anda.

Maklumat lanjut boleh diperolehi di Laman web MLVK

<http://www.nvtc.gov.my/bm/>

<http://www.trainingmalaysia.com/mlvk/>

5. JIKA ANDA MAHU BELAJAR SAMBIL BEKERJA

Dengan banyaknya IPTA, IPTS, Kolej swasta dan seumpamanya, peluang untuk belajar semakin terbuka. Persaingan tetap sengit tetapi tidak lagi sesengit dulu.

Selain kursus-kursus sepenuh masa untuk lepasan 'baru' SPM, kini banyak juga IPTA/IPTS/Kolej yang menawarkan kursus kepada orang-orang lama dan mungkin yang telah bekerja; samada lepasan Diploma, Sijil, SPM atau yang tidak mempunyai SPM.

Banyak IPTA mengadakan Pengajian Jarak Jauh atau program belajar separuh masa (part-time), biasanya ditujukan kepada golongan ini. Kursus biasanya diadakan samada secara jarak jauh dengan perjumpaan berkala atau secara kuliah setiap hujung minggu.

Misalnya anda boleh berkunjung ke laman berikut untuk maklumat lanjut:

Program Pengajian Jarak Jauh USM, <http://www.usm.my/v3/kemasukan.asp?s=3>
Pusat Kembangan Pendidikan UKM, <http://pkukmweb.ukm.my/~pkp/index.html>
Pusat Pengahian Luar UPM, <http://www.ppl.upm.edu.my/v2/index.php?lang=ms>
School of Professional and Continuing Education (SPACE) UTM ,
<http://www.spaceutm.edu.my/>

Dalam hal ini, sistem SPACE UTM adalah unik kerana ia bukan sistem jarak jauh seperti yang ditawarkan oleh IPTS lain. Sebaliknya ia adalah sistem pengajian separuh masa di mana pelajar mengikuti semua kuliah secara berdepan dengan pensyarah di pusat-pusat pengajian seluruh negara seperti pelajar sepenuh masa di Skudai. Kuliah diadakan pada hujung minggu memperuntukkan bilangan jam kuliah yang serupa dengan pelajar sepenuh masa di UTM Skudai. Yang berbeza, semua kuliah dilaksanakan pada setiap hujung minggu.

Bukan itu saja, mereka mengambil kertas peperiksaan yang sama serentak dengan semua pelajar kursus yang sama di UTM. Tidak hairanlah, kursus kejuruteraan anjuran SPACE UTM ini adalah satu-satunya kursus kejuruteraan separuh masa yang diiktiraf sepenuhnya untuk pendaftaran jurutera oleh Lembaga Jurutera Malaysia.

6. E-LEARNING JARAK JAUH DAN OPEN ENTRY DI OUM, WOU DAN UNITAR

Sementara itu, Universiti Terbuka Malaysia (OUM) kini rancak beroperasi. Sebagai Universiti terbuka pertama di Malaysia, sistem pengajian di OUM mempunyai ciri berikut:

Pendidikan Fleksibel

Pengajian di OUM boleh dimulakan pada bila-bila masa. Tahun pengajian di OUM dibahagikan kepada tiga (3) semester dan pelajar boleh memulakan pengajian pada semester pilihan masing-masing.

Mudah didapati

OUM menawarkan kursus peringkat universiti tanpa memerlukan pelajar mendaftar sepenuh masa dan berada di kampus. Kursus diikuti oleh pelajar mengikut tempoh sendiri di "bilik kuliah" di kediaman masing-masing pada waktu yang sesuai dengan kelapangan masa harian biasa.

Mudah dicapai

Pendidikan universiti, melalui OUM, kini tidak terbatas oleh syarat kemasukan yang ketat. OUM memberi pengiktirafan kepada pendidikan dan pengalaman yang telah dilalui. Pelajar diterima masuk pada tahap-tahap tertentu (sijil, diploma, ijazah dsb), bersesuaian dengan tahap pendidikan dan pengalaman yang telah dilalui semasa memohon tempat di OUM

Mampu dibayar

OUM mengenakan bayaran yang tidak begitu membebankan. Jumlah bayaran adalah amat berpatutan dan diringkankan pula dengan bayaran ansuran yang dijadualkan dalam tempoh pengajian.

OUM juga mengamalkan 'open entry', yakni pelajar boleh masuk tanpa syarat minimum SPM yang biasa dikenakan bagi semua kursus Ijazah di IPTA dan IPTS. Dari sudut akademik, PMR/SRP/LCE sudah mencukupi:

*“For those who **DO NOT** meet the minimum entry requirements, they can be apply under Open Entry by fulfilling the following requirements;*

- *Be at least 21 years old on 1st January (applied date) **AND***
- *Passed PMR/SRP/LCE **OR** equivalent **AND***
- *Posses of prior learning experience and/or knowledge relevant to the programme applied for.”*

Maklumat lanjut boleh dilihat di laman <http://www.oum.edu.my>

Konsep 'open entry' yang serupa diamalkan di Wawasan Open Universiti (WOU). Universiti ini ditubuhkan oleh Parti Gerakan dan mula beroperasi pada Ogos 2006. Menurut laman webnya,

“Wawasan Open University is Malaysia's first private, not-for-profit, open learning institution, a lifelong learning community without borders.”

Maklumat lanjut Universiti boleh di perolehi di www.wou.edu.my.

Di samping itu, sebuah Universiti swasta lain juga mengamalkan '*open entry*' iaitu Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) yang boleh dicapai melalui <http://www.unitar.edu.my>.

Ketiga-tiga Universiti di atas menggunakan sistem elearning, kebanyakan peroses pengajaran dan pembelajaran dilakukan secara maya. Anda masih boleh berada di kampung anda.. tapi masih belajar di Universiti!.

Pendeknya zaman ini , macam-macam laluan sekarang untuk belajar tinggi.

Macam-macam ada 😊

7. TIADA WANG UNTUK BELAJAR?

Semestinya.. soalan yang sering bermain di benak kita bila sebut tentang belajar lebih tinggi ialah .. mana nak cari duit...?

Ini memang diakui. Tetapi, mengenai hal belajar dan kewangan ni, saya rasa kita boleh contohi bangsa Cina. Mereka sanggup kurang makan, kurang berhibur, kerja keras demi pendidikan anak-anak. Bukan semua orang Cina kaya-kaya tetapi ramai anak-anak mereka yang belajar tinggi, banyak yang belajar sampai ke luar negeri dan kebanyakannya tanpa bantuan kerajaan.

Saya bimbang juga tengok trend sedemikian kurang di kalangan keluarga Melayu. Bukan semua orang Melayu miskin tetapi prioriti kadang-kadang tak kena. Kita kurang menabung untuk pendidikan anak-anak.

Saya sedih bila baru ni saya diberitahu mengenai seorang bapa yang 'berkira' bila nak keluar duit menghantar anaknya ke program seminar kecemerlangan UPSR sedangkan kat rumah dia ada dua set Hi-fi, sebuah TV besar dan berpuluh VCD (tak tahulah original ke pirated).

Begitu juga dengan rakan-rakan kita yang baru lulus peringkat sijil, mula bekerja dan membeli kereta baru serta bermegah-megah dengan aksesori kereta yang tidak perlu. Prioriti tu kat mana?

Alangkah baiknya jika semua pekerja yang masih berkelulusan sijil atau SPM memperuntukkan sebahagian pendapatan bulanan mereka untuk tabung persediaan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Walaupun bagaimanapun tidak dinafikan, ramai orang kita yang memang tak ada duit.

Ini memang benar. Oleh itu, yang ini kena usaha lebih sikit la. Himpun duit sikit-sikit dan cari peluang yang ada.

Jika anda benar-benar kesempitan wang tetapi berhasrat untuk belajar, di sana kini ada harapan... KWSP membenarkan pengeluaran wang daripada Tabung Akaun II untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Anda hanya perlukan surat tawaran IPT dan invoice yuran berkaitan dan mengisi Borang KWSP 9H (AHL). Butiran lanjut boleh dilihat di sini.

Mungkin agak lewat, bagi yang lepasan SPM (tapi relevan bagi adik-adik Form 5 sekarang) boleh cuba memohon biasiswa MARA, JPA atau Petronas. Anda boleh pergi ke website JPA, MARA atau Petronas untuk maklumat lanjut.

www.mara.gov.my

www.jpa.gov.my

www.petronas.com.my

Tabung-tabung lain juga ada misalnya Bursa Malaysia, Bank Negara, the Star Scholarship

Fund, NST Learning Curve Grant dan banyak lagi yang biasanya diiklan di suratkhbar.
Kena beli suratkhbar selalu tengok iklan yang keluar.

8. PELUANG KE TIMUR TENGAH BAGI LEPASAN SPM DAN STAM

Untuk bahagian kelapan ini, saya ingin menguar-uarkan peluang biasiswa pengajian di Timur Tengah bagi lepasan SPM dan STPM.

Maklumat seperti di bawah dan borang permohonan dan butiran lanjut boleh diperolehi di http://www.mohe.gov.my/webkpt_v2/timur_tgh.php?m=&lang=ENG.

Tarikh tutup permohonan ialah sekitar Mei/Jun2008.

PERMOHONAN DAN PENDAFTARAN PELAJAR KE TIMUR TENGAH 2008

Semua permohonan kemasukan ke Timur Tengah mesti melalui Kementerian Pengajian Tinggi. Sijil Sokongan Luar Negara tidak akan dikeluarkan kepada pelajar yang tidak memohon melalui Kementerian Pengajian Tinggi.

Kementerian Pengajian Tinggi tidak melantik mana-mana agen penempatan pelajar untuk menguruskan kemasukan pelajar ke Timur Tengah terutama sekali di Mesir.

Muat turun borang permohonan:

- [Borang Permohonan dan Pendaftaran Pelajar ke Universiti di Jordan](#)
- [Borang Permohonan dan Pendaftaran Pelajar ke Universiti Al-Azhar, Mesir](#)
- [Borang Permohonan dan Pendaftaran Pelajar Perubatan Universiti di Mesir](#)
- [Borang Permohonan dan Pendaftaran Pelajar ke Universiti di Morocco](#)

Permohonan juga perlu disertakan dengan borang berikut:

- [Borang Sijil Sokongan Luar Negara \(SSLN\)](#)
- [Borang Permohonan Surat Tiada Halangan Mengikuti Pengajian di Luar Negara](#)

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Cik Akma/En. Shamsul/En. Rushdan - 03 8883 5892

Bersambung..inshaAllah

9. JIKA ANDA TIDAK MEMPEROLEHI BIASISWA..

Bagi yang tidak memperolehi keputusan SPM yang cemerlang atau mereka yang belajar secara separuh masa atau melalui IPTS, mungkin peluang mendapatkan tajaan JPA, MARA atau Petronas agak tipis.

Walaupun, anda boleh mengusahakan pinjaman dari badan kerajaan atau swasta. Sumber paling mudah untuk ini ialah Pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN).

Maklumat lanjut terdapat di :

www.ptptn.gov.my

Antara lain website tersebut menyenaraikan maklumat umum, syarat serta borang yang berkaitan. Umumnya, jika anda mengikuti kursus di IPTA atau IPTS yang diiktiraf, permohonan anda akan berjaya, samada separuh atau penuh (full or half loan). Yang penting kursus dan IPTS yang anda ikuti diiktiraf oleh kerajaan.

Syarat terbaru yang dikenakan ialah ibu-bapa/pelajar perlu membuat simpanan di dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN). Bagi yang telah menyimpan, mereka:

“Layak memohon pinjaman pendidikan PTPTN dengan syarat-syarat berikut:

- o Ibu bapa berpendapatan keluarga melebihi RM2,000 sebulan perlu mempunyai penabungan tidak kurang daripada RM3,000; dan
- o Ibu bapa berpendapatan keluarga tidak melebihi RM2,000 perlu mempunyai penabungan tidak kurang daripada RM500. “

Jika anda tidak memperolehi tajaan JPA, MARA dan Petronas, atau anda tidak dapat atau tidak mahu memohon PTPTN, atau anda pelajar separuh masa atau pelajar Sijil Kemahiran MLVK, peluang anda untuk mendapatkan dana alternatif ialah melalui pinjaman bank. Di antara Bank yang menyediakan pinjaman ialah Bank Muamalat melalui Skim Muamalat Education Financing Scheme – (MEFIS) (<http://www.muamalat.com.my>), Bank Rakyat <http://www.bankrakyat.com.my> dan RHB

http://www.rhbbank.com.my/personal/loans/study_loan.shtm

Sekadar di sinilah coretan saya mengenai galakan pembelajaran sepanjang hayat, peluang-peluang dan bidang yang ada serta institusi dan sumber kewangan yang boleh menjadi pilihan.

Semoga ia mencetus minat dan membuka minda kita bagi memenuhi tuntutan Islam untuk sentiasa menambah dan mengejar ilmu, untuk kesejahteraan dunia dan akhirat.

Semoga bermanfaat Saya mohon maaf jika terkasar bahasa.

Omar Yaakob

12 April 2008

Johor Bahru